

NAKSAH JUN 1967



DR. RĀGHIB AL-SIRJĀNĪ

Diterjemahkan Oleh:
MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL



اتحاد الفهاريس ادم لسيا
ABIM

GLOBAL PEACE
MISSION
Malaysia



Terbit edisi e-buku, Jun 2022
© Angkatan Belia Islam Malaysia

Judul Asal: *Naksah Ḥazīrān; bayna al-Dhikrā al-Alīmah wa Ḥatmiyyat al-Naṣr*

Pengarang: Dr. Rāghib al-Sirjānī

Penterjemah: Mohammad Syafiq Ismail

Penyunting dan Transliterasi: Mohd Khairul Anwar Ismail

Reka Bentuk Kulit: Ainatunnadiyah Azizan

Reka Letak Huruf: Muhammad Fateh



ABIM PRESS PLT (LLP0012799-LGN)
No. 6, Jalan TC 2A/2,
Taman Cemerlang
53100 Kuala Lumpur
MALAYSIA

No. Telefon (P): +603-4108 4500
No. Telefon (HP/Whatsapp): +60133916299
No.Faks: +603-4108 2400
Emel: abimpressmy@gmail.com
Laman Sesawang: www.abimpress.com
FB: www.facebook.com/abimpressmy

E-Buku ini diterbitkan dengan kerjasama:



Koleksi E-Buku ABIM PRESS boleh diakses dan dimuatturun
secara percuma di pautan berikut:

<https://tinyurl.com/KoleksiEbukuABIMPRESS>

Atau boleh juga ikuti perkembangan E-buku terkini di
halaman FB Abim Press:



MUQADDIMAH PENTERJEMAH



Atas nama Yang Kasih, daku menulis.

Selawat dan salam, buat kekasih.

Gita puji sesempurnanya bagi Allāh, selama-lamanya, atas kurnia-Nya dan izin-Nya, sesuai ketetapan-Nya yang tersurat, kita selesai melaksanakan khidmat terjemahan karya Dr. Rāghib al-Sirjānī berjudul *Naksah Ḥazīrān; bayna al-Dhikrā al-Ālīmah wa Ḥatmiyyat al-Naṣr* (نكسة حزيران .. بين الذكرى الأليمة وحتمية النصر), yang kita judulkan semula sebagai “*Naksah Jun 1967.*”

Penterjemahan karya ini merupakan salah satu daripada usaha kita untuk menyediakan bahan bacaan bermutu berkenaan isu Palestin, khususnya berkait Naksah yang sebenarnya sama penting untuk diingat bersama Nakbah 1948.

Gelaran ‘Naksah’ ini merupakan nama yang dipopularkan oleh Jamāl ‘Abd al-Nāṣir, yang memimpin United Arab Republic (UAR-Mesir) ketika kekalahan ini berlaku. Kerana

kekuatan media yang dipunyai Mesir pada ketika itu, nama Naksah melekat sebagai kata nama khas merujuk peristiwa ini hinggalah ke hari ini.

Kita tidak menggunakan italic pada perkataan Naksah dan Nakbah sebagai tanda solidariti kepada Palestin, meskipun ia berasal daripada bahasa Arab. Isu Nakbah dan Naksah ini merupakan isu umat Islam, bukan isu Arab semata-mata. Kita juga mencadangkan kepada pihak berwajib untuk memasukkan Nakbah dan Naksah ini di dalam perkataan Kamus Dewan sebagai tanda kebersamaan kita dan kepihakan kita tentang isu Palestin ini, dan mengukuhkan kedua-dua peristiwa ini dalam memori bangsa Malaysia.

Terima kasih kita ucapkan buat pihak ABIM PRESS dan GLOBAL PEACE MISSION atas kesudian menerbitkan dan menyebarkannya secara gratis nan online. Tiada hakcipta yang kita tuntutan di balik terbitan ini, ia bebas diulangcetak dan disebarkan oleh sesiapa saja, dan digunakan dalam kajian-kajian.

Sesungguhnya tiada apa yang kita miliki melainkan kesalahan dan kesilapan. Sementara seluruh kebaikan itu hanyalah milik Allāh. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan dalam terjemahan ini, mohon segera dimaklumkan agar segera diperbetulkan, kerana tiada kitab yang sempurna melainkan al-Qurʿān.

Allāh Maha Mengetahui.

Syafiq atTauhidi (Mohammad Syafiq Ismail)

19 Zulkaedah 1443H / 19 Jun 2022M

Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah

NAKSAH JUN 1967



Belum sempat masyarakat Arab dan umat Islam bangkit semula daripada nakbahnya pada 1948M, (tahun) yang dipenuhi segala macam janji palsu Arab – keperihan baru menjelma dan kesengsaraan berganda-ganda. Masyarakat Arab dikejutkan dengan satu peristiwa yang menjadikan mereka tunggang terbalik, dalam keadaan mereka masih membalut luka lama mereka.

5 Jun 1967M, satu tarikh pedih dan memori duka dimuatkan dalam lembaran sejarah hitam yang pada hakikatnya tidak hanya melibatkan Palestin, tetapi juga melibatkan negara-negara Arab yang berada di kejiranannya.

Dalam lautan darah dan api, Timur Dunia Islam tidur dan dikejutkan semula. Sementara itu, Naksah (kekalahan) berterusan menjadi (sebab) dendam kesumat dan

segala sumpah setia bahawa darah takkan pernah kering (dalam perjuangan), dan impian (kebebasan Palestin) takkan dilupakan. Tidak memadai mereka (umat Islam) kehilangan Palestin dan (hak warga) dirampas daripada mereka, mereka menambah lagi kesengsaraan (rakyat Palestin), dan bilangan pelarian yang keluar meninggalkan rumah mereka untuk mencari perlindungan turut bertambah kerananya (Naksah ini). Mengingati peristiwa Naksah ini menghidupkan semula memori dalam jiwa pelarian Nakbah tentang satu lagi peristiwa pengusiran (selain Nakbah).

NAKSAH?


Naksah 1967 atau Perang Jun merupakan perang yang berlaku antara zionis dan (gabungan) Mesir, Syria, serta Jordan. Ia berakhir dengan kemenangan zionis ke atas ketiga-tiga negara ini, dan ia (negara haram zionis) menjajah Gaza dan Sinai di arah Mesir; Tebing Barat (*al-Daffah al-Gharbiyyah*), al-Quds dan Masjid al-Aqṣā di arah Jordan, serta kawasan strategik dataran tinggi Golan di arah Syria.

Bangsa yahudi berbangga dan menamakannya Perang Enam Hari (*Six Day War*), kerana di dalam tempoh ini mereka berjaya mengalahkan kekuatan tentera Arab dan menawan Palestin secara keseluruhannya.

MERCU TANDA YANG HILANG!

Al-Quds yang dijajah sepenuhnya pada 1967M merupakan kerugian yang terbesar yang diraih pada kekalahan ini. Ia masih lagi berada di bawah penjajahan hingga ke hari

ini, dan ia-lah yang begitu giat diyahudikan (*judaization*) dan dijadikan sebagai ibu negara yahudi. Sedangkan ia (al-Quds) di pandangan wakil perunding Arab, tidaklah diputuskan kedudukannya ini dan sentiasa ditunda-tunda ke sekian lamanya!



(Ilustrasi perubahan peta sebelum dan selepas Naksah 1967. Sumber ilustrasi: BBC.

Nota Penterjemah: Pada tahun 1981, Undang-undang Dataran Tinggi Golan (*Golan Heights Law*) digubal sendiri oleh kneset zionis untuk meneruskan penjajahan ke atas Golan, yang penjajahan itu berterusan ke hari ini dalam keadaan masyarakat antarabangsa mengiktiraf Golan milik Syria. Pada 1982, zionis mengadakan perjanjian damai dengan Mesir, mengundurkan diri dari Semenanjung Sinai dan menyerahkan Terusan Suez sepenuhnya kepada Mesir. Pada 2005, zionis secara rasmi mengundurkan diri dari Gaza.)

Al-Quds bukanlah milik Palestin sahaja, akan tetapi ia juga milik umat Islam. Yakni, ia menjadi hak yang dikongsi oleh setiap muslim dan muslimah. Kehilangannya bererti kehilangan identiti Islam. Hal ini juga bermakna tanggungjawab untuk membebaskannya dan melindunginya merupakan tanggungjawab setiap muslim sama ada yang tua mahupun muda, dan sejauh manapun mereka berada (daripada al-Quds). Sekiranya pihak batil boleh berganding bahu untuk mengukuhkan kewujudan sebuah negara dongeng,¹ bukankah lebih layak untuk umat Islam saling berganding bahu untuk mengambil semula kawasan yang diberkati Allāh, dan yang dipelihara oleh setiap khalifah umat Islam sepanjang zaman?!

Apabila kita berbicara mengenai Naksah, sesungguhnya kita mengenang al-Quds, dan mengenang seluruh kesungguhan yang jujur – kini sampailah masanya untuk ia (umat Islam) ini bangkit daripada kelekaannya. Hendaklah kita menggembelng tenaga bersama agar kita boleh sampai ke al-Quds dalam keadaan impian dan niat jujur kita yang satu menghimpunkan kita, isu al-Quds menghimpunkan kita, dan begitu juga kita tidak dipecah-pecahkan oleh isu agama, bahasa, kecenderungan, ataupun keturunan.

SELEPAS NAKSAH...

Masyarakat (Islam dan Arab) mulai mengetahui sebab (kekalahan), dan mereka mulai belajar daripada kekalahan yang berulang; mereka kembali kepada Allāh *‘azza wa jalla*

¹ Yakni kononnya Palestin hak milik yahudi dan zionis menguasai Palestin untuk merealisasikan dongeng ini (pent.)

Yang Maha Memberi Kemenangan dan Maha Membantu, tidak kepada selain-Nya. Dengan ini, situasi berubah, kita mulai melihat perkara yang diimpikan pada 1967 (yakni kemenangan umat Islam). Berlakulah peristiwa Perang Karamah (*Battle of Karamah 1968*), kemudian Perang 10 Ramadan 1973 (*Yom Kippur War 1973*), dan kebangkitan Islam mula menyala dalam masyarakat Arab, kerana ia sudah mengetahui bahawa slogan-slogan yang dijulung tidaklah hanya menjadi kerugian. Cahaya kemenangan bersinar semula pada perjuangan *Atfāl al-Hijārah* (kanak-kanak yang membaling batu ke arah zionis) yang mengembalikan kemuliaan umat Islam, dan membuktikan kepada dunia bahawa setiap peristiwa peringatan terhadap kekalahan yang bersilih ganti bahkan menambah lagi kemarakan semangat bangsa yang ingin beroleh kemenangan yang dijanjikan.



(*Atfāl al-Hijārah*, simbol perjuangan Palestin melawan penjajahan)

KANUN KEMENANGAN

Sungguh pelik sekali, bagaimana tentera penjajah zionis mampu mengalah tiga kuasa tentera Arab dalam tempoh enam hari. Tentera (zionis) yang sama jugalah – sesudah menambah kekuatan, kepakaran, dan memiliki teknologi yang pelbagai – tak mampu mengalahkan beberapa ribu – maksimumnya – (rakyat Palestin) yang dikepung dengan ketat sekali di Gaza selepas kira-kira 40 tahun, di dalam kemenangan terkini mereka ke atas penjajah (zionis). Apa yang membezakannya?

Tidak lain tidak bukan, manhaj (metode dan gaya hidup) kumpulan kecil (rakyat Gaza) dalam melawan musuhnya si zionis, berbeza dengan ribuan (tentera Arab) yang ditumpaskan dengan teruk sekali. Senjata mereka tidaklah banyak mana, dan keadaan semasa mereka juga tidaklah sebaik mana, akan tetapi (yang menyebabkan kekuatan mereka) ialah sesuatu yang tertanam di dalam hati mereka.

Berpegang teguh dengan punca-punca kemenangan yang telah dijelaskan Allāh kepada kita di dalam Kitab-Nya; inilah yang akan memenangkan umat ini ketika berdepan di medan perang pemisah (antara hak dan batil). Firman-Nya *ta‘ālā*:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تَنصُرُوا اللَّهَ يَنصُرْكُمْ
وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ ﴿٧﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allāh nescaya Allāh membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu.”
(Muḥammad, 7)

Ini janji Allāh yang takkan sekali-kali memungkiri janjinya memberikan kemenangan, sekiranya umat Islam sendiri membantu membela (agama) Allāh di dalam diri mereka, harta mereka, dan keseluruhan aspek kehidupan mereka.

Sesungguhnya perlu diketahui juga, bahawa sesiapa saja (muslim) yang melakukan kemungkarannya, dia akhirnya menjadi kelebihan buat musuh, dan kerugian buat umatnya. Hendaklah diketahui juga bahawa sesiapa yang enggan melaksanakan ketaatan (dalam agama), sesungguhnya dia telah melukakan jasad umat ini – sedangkan dirinya sendiri daripadanya – dengan dalam sekali, yang melemahkannya. Hendaklah diketahui juga, bahawa sesiapa yang leka daripada mengingatkan saudaranya dan meninggalkan amar makruf nahi mungkar, dia sebenarnya memanjang-manjangkan lagi tempoh musibah yang menimpa umat ini.

Setiap daripada kita dituntut untuk menilai dirinya sendiri, agar dia mengetahui sendiri adakah dirinya kerugian buat umat ini? Adakah dirinya kelebihan buat musuh? Adakah dirinya menjadi sebab kepada berlarutannya musibah yang menyimpannya (umat ini) kerana apa yang pernah dilakukan oleh kedua belah tangannya? Betapa

celakalah dia yang menjadi sebab kecelakaan umat ini!
Betapa bahagialah dia yang menjadi sebab kebahagiaan
umat ini!

Daku berdoa memohon kepada Allāh agar Dia
menjadikan diriku dan diri kamu tergolong daripada
mereka (yang menjadi asbab kebahagiaan umat Islam).

Alḥamdulillāh, segala puji bagi Allāh, dahulu, kini
dan selamanya, atas penyempurnaan terjemahan bagi
Naksab Jun 1967, pada malam 19 Zulkaedah 1443H,
bersamaan 19.6.2022M, di Maktabah atTauhidi, negeri
Sabah alMahmiyah billah, di tangan empunya segala dosa
dan kesilapan Syafiq atTauhidi. Semoga Allāh yang baik
menerima dan mengumumkan manfaatnya kepada
seluruh umat

